NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

FYi

NIOSH
National Institute of Occupational Safety and Health

September 2019
ISSN 1675-5464

Your OSH preferred partner

Haze also carries harmful particles smaller than 2.5 micrometers in diameter (PM2.5) - about 3% the diameter of a human hair.

These particles are so small that they can enter your blood stream and accumulate in your lungs.

Excessive exposure to the haze can lead to a wide range of health problems. Haze pollution is estimated to cause over 100,000 deaths every year on average in Southeast Asia.

Health impacts include greater risk of lung cancer and cardiovascular disease.

IMPACTS OF HAZE

	HEALTHY PERSONS	ELDERLY, PREGNANT WOMEN, CHILDREN	PERSONS WITH CHRONIC LUNG DISEASE, HEART DISEASE
0-50 GOOD	NORMAL ACTIVITIES	NORMAL ACTIVITIES	NORMAL ACTIVITIES
51-100 MODERATE	NORMAL ACTIVITIES	NORMAL ACTIVITIES	NORMAL ACTIVITIES
101-200 UNHEALTHY	REDUCE PROLONGED OR STRENUOUS OUTDOOR PHYSICAL EXERTION	MINIMISE PROLONGED OR STRENUOUS OUTDOOR PHYSICAL EXERTION	AVOID PROLONGED OR STRENUOUS OUTDOOR PHYSICAL EXERTION
201-300 VERY UNHEALTHY	AVOID PROLONGED OR STRENUOUS OUTDOOR PHYSICAL EXERTION	MINIMISE OUTDOOR ACTIVITY	AVOID OUTDOOR ACTIVITY
>300 HAZARDOUS	MINIMISE OUTDOOR ACTIVITY	AVOID OUTDOOR ACTIVITY	AVOID OUTDOOR ACTIVITY

Executive Director's Note

Welcome to another issue of FYi

As we enter the month of September, the air quality has dramatically deteriorated, with nearly two dozen locations are affected by the haze nationwide, blanketing eight out of the country's 13 states.

Haze is a situation where there is pollution to the air by suspended particulate matter. The various determinants of air pollution are, Sulphur Dioxide, Nitrogen Dioxide, Ozone, Carbon Monoxide and PM10. The fine particulate matter or PM10 (particulate of size 10 micron and below) is the main concern as it may lead to adverse health conditions.

Haze in Malaysia is not a new phenomenon as it was first recorded back in the year 1982 when regional haze from biomass burning (BB) disrupted daily life in Malaysia. Since then, several haze episodes have been recorded with the severe ones occurred in 1997, 2005 and 2015.

When there is haze, it is important for us to conduct a proper risk assessment and implement appropriate measures, including specifying when to stop work, so as to ensure that risks could be identified, and minimised or mitigated.

Regards

Haji Ayop Salleh
Executive Director
NIOSH

Editorial Board

SEPTEMBER 2019
elSSN 2672-7412

EDITORS

- **HAJI SHAHRONIZAM NOORDIN**
  Manager of Information and Dissemination Division
- **ROSLINA MD HUSIN**
  Executive of Information and Dissemination Division
- **M.HAMZAH JAMALUDIN**
  Executive of Business and Marketing Division

WRITERS

- **HAJI SHAHRONIZAM NOORDIN**
  Manager of Information and Dissemination Division.

ADVERTISING & MEDIA SALES

- **MOHD HUSSIN ABD SALAM**
  Manager of Business and Marketing Division
  Email: bmd@niosh.com.my
- **RANJITHA A/P BALA**
  Executive of Business and Marketing Division
  Email: bmd@niosh.com.my

PUBLISHER

- **NIOSH**
  Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
  43650 Bandar Baru Bangi,
  Selangor Darul Ehsan.
  Malaysia
  Tel : 03-8769 2100
  Fax : 03-8926 2900
  Email : general@niosh.com.my
  Website : http://www.niosh.com.my

GUIDELINES FOR THE PROTECTION OF EMPLOYEES AGAINST THE EFFECTS OF HAZE AT WORKPLACES

The main pollutant of concern to health during a smoke haze is the fine particulate matter or PM10 (particulate of size 10 micron and below). The health effect depends on the severity of the smoke haze as described by the API (Air Pollutant Index) value. At API > 100, the air quality is deemed unhealthy.

Under the Occupational Safety & Health Act, 1994 (OSHA), employers have a duty to protect their employees' safety and health at work. When API value exceeds 100, employees will be exposed to a higher level of safety and health risk due to poor visibility and/or ill effects of haze. Hence, it is a duty of employers to carry out proper risk assessment and implement appropriate measures, including specifying when to stop work, so as to ensure that risks identified are minimised or mitigated. In situations where haze poses immediate danger to the safety and health of workers and measures have not been taken to mitigate those risks, the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) may order the affected work to stop. If any person fails to comply with a stop work order, under the OSHA he shall be liable on conviction to a fine not exceeding RM 50,000.00 or to imprisonment for a term not exceeding 5 years or to both, and to a further fine of RM 500.00 for each day during which the offence continues.

The objective of these guidelines is to help both employers and employees to be better prepared in minimising or mitigating the effects of haze. The API values stated in these guidelines refer to the 24-hour running average of the main pollutant of concern, PM10, which is included in the Malaysian Air Quality Guidelines issued by the Department of Environment (DOE).

Preparation

Following announcement of an increased risk of haze by relevant government agency, employers should initiate the following preparations to protect the safety and health of employees against the effects of haze:

a. Identify susceptible employees (Employees with heart or respiratory illness);

b. Identify employees with medical symptoms related to haze and ask them to seek medical treatment
   e.g. - Throat itchiness and coughing;
   - Irritated and watery eyes;
   - Running nose and sneezing;
   - Itchy skin;
   - Difficulty in breathing and/or breathlessness.

c. Identify types of outdoor work (Work that is carried out outside buildings regularly or most of the time) to be reduced when there is haze;

d. Determine criteria for stopping outdoor work;

e. Conduct respirator fit testing for employees who need to work outdoors;

f. Ensure sufficient stock of disposable N95 respirators;

g. Improve efficiency of air cleaning devices for workplace and equipment; and

h. Implement haze communication system between employer and employees.

Management Of Susceptible Employees

Employees with existing heart or respiratory illness are more susceptible to the effects of haze.

When API value exceeds 100, these susceptible employees must use respiratory protective devices (or respirators) if working outdoors. If they experience breathing difficulty from wearing respirators while working outdoors, employers should deploy them to work indoor where the pollutant concentration is lower. When API value exceeds 200, all susceptible employees should be deployed to work indoor, preferably work that is not physically strenuous.

Minimising outdoor work

API > 100: Outdoor work involving strenuous activity should be minimised. Any employee who has difficulty using respirators while working outdoors should be deployed to work indoor.

API > 200: Outdoor work involving strenuous activity should be avoided.

API > 300: Risk assessments should be conducted to determine whether outdoor lifting operations involving tower and mobile cranes should cease due to the foreseeable risk of poor visibility, so as not to compromise safety of persons at work. Such work can only be carried out when appropriate precautions have been taken to reduce the risk. Employers are reminded of their duties under Section 15 the OSHA to provide and maintain for their employees a work environment which is safe, without risk to health, and adequate in terms of facilities and arrangements for their welfare at work. Employers who fail to comply with Section 15 OSHA on conviction, be liable to a fine not exceeding RM 50,000 or to imprisonment for a term not exceeding 2 years or both.

API > 400: There will be an increased risk of ill health for all persons, including employees conducting non-strenuous outdoor work. Hence, the risk assessment will need to include the impact of haze on the health of all employees, especially those working outdoors. If the risk of ill health cannot be mitigated, the work activity should stop. For those engaged in emergency and essential services, the risk should be mitigated by wearing suitable respirators.

Provision Of Suitable Respirators

It is the duty of employers to provide suitable respirators to employees when required (please refer to Table 1). The correct type of respirator is one which is capable of filtering out about 95% of very fine particles. Disposable N95 respirators, commonly called N95 masks, are preferable as they are more comfortable than cartridge respirators.

Employees who are required to wear respirators should be fit-tested to ensure good fit of the respirator. Employers should ensure sufficient stock of respirators for these employees. Training and supervision should be conducted to ensure correct usage of respirators. Respirators should be changed when soiled/physically damaged or when the wearer finds it hard to breathe.

Enhancing Protection For Indoor Work And Certain Equipment

Air quality for both non air-conditioned and air-conditioned workplaces can be improved with the use of suitable air cleaning devices.

To enhance the protection offered by remaining indoors, measures should be taken to reduce haze infiltrating indoor air by keeping windows and doors closed most of the time.

For workplace having equipment with Air Processing Unit (APU), adequate measures should be taken to ensure filtration system use be able to prevent entry of excessive suspended solid particles into the system.

Communication On Haze

A system should be put in place to update employees regularly on the mitigating measures taken by the organisation to minimise the safety and health effects of haze on employees. The system should include channels for employees to report adverse effects suffered as a result of the haze.

For queries on these guidelines, please contact the Industrial Hygiene Division, Chemical Management Division or Occupational Health Division of Department of Occupational Safety and Health Malaysia at 03-8886 5343.

Note for Risk Assessment

During haze, employees will be exposed to higher level of occupational safety and health (OSH) risk due to poor visibility and/or ill effects of haze. Employers should conduct a proper risk assessment and implement appropriate measures, including specifying when to stop work, so as to ensure that risks identified and minimised or mitigated. If the OSH risk cannot to be mitigated, such activities should stop. The work should only resume when precautions have been taken to reduce these risks. In conducting the risk assessment, employers can make reference to Guidelines on Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) published by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Malaysia.

Table 1: Guidelines For The Protection of Employees Against The Effects of Haze at Workplaces

24-Hour Air Pollutant Index (API) Value	General Health Effects	Measures to be taken by Employer	Measures to be taken by Employees
51- 100 (Moderate)	Few or has no ill effects on general population	• Identify susceptible employees • Identify types of outdoor work to be reduced when there is haze • Determine criteria for stopping outdoor work • Ensure sufficient stock of disposable N95 respirators • Improve efficiency of air cleaning devices for enhanced protection of indoor workers • Implement haze communication system between employer and employees • Communicate to employees on measures taken to protect their safety and health during haze	• All employees carrying out outdoor work to undergo respirator fit testing • All employees know when to stop outdoor work
101-200 (Unhealthy)	Mild aggravation of symptoms among susceptible persons i.e. those with heart and lung disease, with irritation symptoms in the healthy population	• Outdoor work which involves strenuous physical activity should be minimised. • Provide suitable respirators to susceptible employees working outdoors • If susceptible employees have difficulty working outdoors, employers should deploy them to work indoor • Advice workers on health measures • All construction sites to be sprayed with water regularly	• Susceptible employees must use suitable respirators if working outdoor • Advice drink water regularly • Advice to use public transport
201-300 (Very Unhealthy)	Significant aggravation of symptoms and decreased tolerance in persons with heart or respiratory illness; widespread symptoms in healthy population	• Outdoor work which involves strenuous physical activity should be avoided. • Susceptible employees should be deployed to work indoor, preferably doing work which is not physically strenuous • Provide suitable respirators to all employees carrying out outdoor work Earthworks and earth movements to be stopped temporarily	• All employees carrying out outdoor work should use suitable respirators • Susceptible employees should work indoor, preferably doing work which is not physically strenuous. • Advice drink water regularly • Advice to use public transport
301-400 (Hazardous)	Early onset of certain diseases in addition to significant aggravation of symptoms and decreased exercise tolerance in healthy persons	• Outdoor work which involves strenuous physical activity should be avoided • Must provide suitable respirators to all employees carrying out outdoor work • Risk assessment* should consider the additional risk posed by poor visibility for work activities such as lifting operations. • All vehicles are advice to switch on head lights for better vision while driving.	• All employees carrying out outdoor work should wear suitable respirators • Susceptible employees should remain indoors and avoid strenuous work • Advice drink water regularly • Advice to use public transport
>400 (Very Hazardous)	May be life threatening to ill and elderly persons. Healthy people experience adverse symptoms that affect normal activity.	• Outdoor work should be avoided. • Risk assessment * should consider the impact of haze on the health of all employees, especially those working outdoors. For those engaged in emergency and essential services, the risk should be mitigated by wearing suitable respirators. • Awaiting National Committee on Disaster Management on further instruction.	• All employees should remain indoors and avoid Strenuous work. • All employees carrying out emergency and essential services must wear suitable Respirators • Advice drink water regularly • Advice to use public transport

Sources: Garis panduan bagi perlindungan pekerja terhadap kesan daripada jerebu di tempat kerja 2013

JEREBU : PERINGATAN BUAT SEMUA !



Jerebu di Malaysia bukanlah satu fenomena baru kerana ia mula direkodkan pada tahun 1982 apabila jerebu serantau dari pembakaran hutan yang mengganggu kehidupan seharian di Malaysia. Sejak itu, beberapa episod jerebu telah direkodkan. Episod-episod yang teruk ini berlaku pada tahun 1997, 2005 dan 2015. Pada tahun 2005 episod jerebu ini telah mencatat peringkat darurat di beberapa kawasan di Selangor. Kini tahun 2019 episod jerebu kembali teruk mewarnai atmosfera Malaysia.

Jerebu adalah fenomena yang terjadi apabila kepekatan zarah-zarah terampai di atmosfera dalam kepekatan yang tinggi. Zarah-zarah yang terampai ini menyerap dan menyerakkan cahaya matahari sehingga mengurangkan jarak julat penglihatan. Punca utama terjadi di Malaysia antaranya disebabkan kebakaran hutan yang berlaku dinegara jiran. Walaupun faktor di negara sendiri juga ada yang menyumbang.

Sebenarnya pencemaran udara disebabkan jerebu ini bukan sahaja disebabkan oleh zarah-zarah terampai, tetapi ia juga berlaku disebabkan oleh gas-gas beracun dan berbahaya yang berlebihan di udara.

Zarah-zarah terampai ini terdiri daripada 70 peratus zarah karbon, 20 peratus debu tanah dan 10 peratus tidak diketahui puncanya. Manakala gas berbahaya pula terdiri daripada gas karbon monoksida, nitrogen dioksida, ozon dan sulfur dioksida.

Di dalam keadaan tertentu situasi ini boleh menyumbang kepada kematian dan penyakit serius, kerana partikel halus yang terhasil boleh masuk ke dalam sistem pernafasan melalui penyedutan.

Kesan kesihatan kepada manusia semasa episod jerebu telah direkodkan berdasarkan peningkatan kemasukan pesakit ke hospital, biasanya ia berkaitan dengan masalah pernafasan. Contohnya seperti kes pada tahun 1997, jumlah kunjungan pesakit luar di Hospital Besar Kuala Lumpur Rujukan meningkat dari 250 hingga 800 orang sehari semasa episod tersebut.

Keadaan jerebu yang berpanjangan sudah pasti akan menyebabkan penurunan produktiviti di dalam aktiviti seharian kita. Oleh itu pengawalan dan pencegahan perlu dilaksanakan. Prinsip pengawalan boleh bermula pada sumbernya (at sources), laluan (at path) dan kepada penerima (receiver).

Pengawalan pada sumbernya adalah dengan pengawalan terhadap penebangan dan pembakaran hutan, pembakaran terbuka, pemprosesan industri, pembakaran bahan api

serta kenderaan bermotor. Pengawalan pada laluan pula seperti mengadakan hujan tiruan manakala pengawalan kepada penerima (manusia) pula adalah dengan memakai alat pelindung pernafasan jenis N95. Sebenarnya semua cadangan pengawalan bergantung kepada penaksiran risiko yang dijalankan.

Namun adakah kita yakin bahawa dengan mengenalpasti punca dan pengawalan yang dilaksanakan episod ini tidak akan berulang? Atau sebenarnya episod ini semakin mencabar kelestarian alam kita apabila berhadapan cabaran pembangunan moden!

Rujukan

1. Seinfeld, J.H., Pandis, S.N., 2006. Atmospheric Chemistry and Physics: from Air Pollution to Climate Change, second ed. JohnWiley & Sons, New Jersey

2. Mastura Mahmud, Nuur Huraizah Abu Hanifiah, Pencemaran udara berikutan peristiwa jerebu tahun 2005 : Kajian kes di Perai, Pulau Pinang, Malaysia (Air pollution during the haze event of 2005: The case of Perai, Pulau Pinang, Malaysia)

3. Mohd Shahwahid, H.O., Othman, J., 1999. Malaysia. In: Glover, D., Jessup, T. (Eds.), Indonesia's Fires and Haze: the Cost of Catastrophe. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore

4. Mohd Talib Latib et. al., Impact of regional haze towards air quality in Malaysia: A review.

5. Heil, A., Goldammer, J.G., 2001. Smoke-haze pollution: a review of the 1997 episode in Southeast Asia. Reg. Environ. Change 2, 24–37

6. Kampa, M., Castanas, E., 2008. Human health effects of air pollution. Environ. Pollut. 151, 362–367

7. Afroz, R., Hassan, M.N., Ibrahim, N.A., 2003. Review of air pollution and health impacts in Malaysia. Environ. Res. 92, 71–77.

Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Asia Pasifik (APOSHO) ke-34

Rombongan NIOSH telah menghadiri Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Asia Pasifik (APOSHO) ke-34 yang berlangsung di Guiyang, China pada 5-8 September 2019. Sebagai ahli APOSHO, NIOSH yang diketuai oleh Pengerusi, YBhg Tan Sri Lee Lam Thye telah terlibat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa, Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan pada APOSHO kali ini.

Pengerusi NIOSH telah menyampaikan pembentangan kertas utama berkaitan pengalaman Malaysia dalam aspek pengurusan isu kesihatan mental di kalangan pekerja. Tan Sri Lee Lam Thye juga telah diberikan penghormatan apabila dilantik sebagai Ahli Kehormat APOSHO di atas peranan dan sumbangan beliau bukan sahaja di Malaysia malah di rantau Asia Pasifik.

APOSHO, iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang di anggotai oleh organisasi NGO dan pelbagai entiti di rantau Asia Pasifik ditubuhkan untuk menjadi wadah untuk berkongsi pengalaman dan bertukar idea, maklumat dan pengetahuan di dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

APOSHO ke-35 pada tahun 2020 akan dianjurkan di Malaysia. Penghormatan ini akan memberikan peluang kepada Malaysia untuk berkongsi pengetahuan dan idea kepada delegasi antarabangsa dari rantau Asia Pasifik tentang pengalaman dan amalan OSH di Malaysia. Pada masa yang sama, Malaysia dapat mempelajari pengalaman dan ilmu pengetahuan dari pembentang kertas kerja penceramah antarabangsa.

Persidangan dan pameran sempena APOSHO 2020 ini nanti akan terbuka kepada semua majikan, pekerja, pengamal OSH dan orang ramai yang berminat di seluruh rantau Asia Pasifik. Semoga dengan penganjuran APOSHO ke-35 di Kuala Lumpur itu nanti akan dapat memberikan manfaat kepada semua.

Jumpa lagi di APOSHO 2020 Kuala Lumpur, Malaysia!.

Wakil NIOSH Sertai Misi Rentang Jalur Gemilang Gergasi di Everest Base Camp (EBC)

10 September 2019, Gorak Shep (Nepal): Dua kakitangan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) berjaya merentangkan Jalur Gemilang gergasi di Everest Base Camp (EBC) bersama-sama 24 lagi pendaki lain.

Pegawai Khas Komunikasi NIOSH M. Hamzah Jamaludin dan Pengurus NIOSH Wilayah Selatan Muhammad Zaeem Mokhtar bersama kumpulan pendaki yang terdiri daripada 20 rakyat Malaysia dan 6 warga Brunei berjaya tiba di EBC pada ketinggian 5,364 meter dari aras laut kira-kira jam 10.20 pagi waktu tempatan (12.05 tengah hari waktu Malaysia). Kumpulan tersebut berjaya melaksanakan misi tersebut selepas mendaki sejauh 65 kilometer dari Lukhla ke Gorak Shep selama sembilan hari.

Misi tersebut diadakan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan EBC dipilih kerana ia merupakan tapak berkumpul para pendaki ke puncak tertinggi di dunia itu. Jalur Gemilang gergasi setinggi enam meter dan 12 meter lebar serta berat 11 kilogram berjaya direntangkan bersempena sambutan Hari Kebangsaan Ke 62 serta Hari Malaysia pada 16 September 2019.

Kumpulan tersebut memulakan misi selama 16 hari mulai 31 Ogos 2019 dan dilepaskan oleh Pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada hari tersebut. Ekspedisi pendakian anjuran Summit Attack Resources (SAR) itu diketuai oleh Mohd Fakhrul Munir Mohd Isa yang juga Pegawai Bomba dari Akademi Bomba Malaysia Wilayah Tengah Kuala Kubu Bahru.

Antara cabaran utama yang dihadapi pendaki ialah keadaan cuaca dan suhu serta risiko diserang penyakit akut gunung atau *Acute Mountain Sickness (AMS)*. Mereka mendaki bermula dari paras ketinggian 2,700 meter di Lukhla selama 12 hari sejauh kira-kita 130 kilometer (km) pergi dan balik. Menurut Fakhrul, mereka memulakan pendakian lapan hari untuk sampai ke EBC bermula 2 September lepas dengan purata berjalan sejauh kita-kira 15 km sehari. Beliau berkata sebahagian anggota ekspedisi, termasuk kedua-dua wakil NIOSH, turut mendaki Gunung Kala Patthar setinggi 5,550 meter. Sementara itu, Muhammad Zaeem berkata beliau amat teruja untuk menyertai ekspedisi ke EBC kerana berpeluang merentangkan dan mengibarkan Jalur Gemilang di EBC dan juga puncak Kala Patthar. Sebagai seorang yang terlatih dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan bekerja di tempat tinggi, beliau juga ingin bertukar-tukar pengalaman dan ilmu bersama-sama anggota ekspedisi.

Kejohanan Sukan NIOSH 2019

Kelab Kebajikan dan Sukan IKKPN (KKSI) telah menganjurkan Kejohanan Sukan NIOSH 2019 sempena Karnival Sukan NIOSH 2019 bermula pada 2 Ogos 2019 sehingga 7 September 2019. Pada 3 Ogos 2019 (sabtu) berlangsung perasmian Kejohanan Sukan NIOSH 2019 bertempat di Hangar, NIOSH Bandar Baru Bangi. Majlis pada pagi itu telah dirasmikan oleh Tuan Setiausaha Eksekutif NIOSH iaitu Mejar Haji Hanif Maidin (B).

Pada pukul 8.15 pagi para peserta dan kakitangan berkumpul di ruang legar Hangar, NIOSH Bandar Baru Bangi. Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku serta Bacaan Doa. Senaman ringkas diadakan sebelum acara bermula. Perasmian sepak mula oleh Tuan Setiausaha Eksekutif NIOSH di Gelanggang Street Soccer. Acara bola jaring, Ping pong dan Carom bermula serentak tepat jam 9.00 pagi.

Pada 6-7 September, telah berlangsung acara badminton yang diadakan di Kompleks Sukan MPKj Bangi, Seksyen 15 Bangi, Beyblade berlangsung di Dewan Cempaka, NIOSH dan acara boling berlangsung di Ampang Superbowl, Bangi Gateway.

Terima kasih kepada penganjur Kelab Kebajikan dan Sukan Institut (KKSI) yang menjayakan 10 acara sukan bagi Karnival Sukan NIOSH 2019 iaitu Bola tampar, Congkak, Damaji, Netball, Karom, Ping pong, Street soccer, Badminton, Beyblade dan Bowling. Tahniah kepada para pemenang bagi semua acara yang dipertandingkan.

Program seumpama ini diharap dapat dilaksanakan lagi pada tahun akan datang yang mana dengan aktiviti yang menyihatkan ini, boleh mengeratkan lagi silaturahim antara satu sama lain serta dapat menonjolkan bakat yang terpendam di kalangan kakitangan NIOSH.

Majlis Makan Malam Penghargaan Kakitangan NIOSH dan Majlis Perpisahan Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye

Pada 20 September 2019 (Jumaat), Majlis Malam Penghargaan Kakitangan NIOSH diadakan secara meriah bagi meraikan sumbangan dan khidmat pekerja kepada syarikat. Majlis bermula pada pukul 7.30 malam bertempat di Bangi Avenue Convention Centre, Bangi Selangor. Bertemakan Black and Gold, seramai 15 kakitangan telah diraikan selepas berkhidmat selama 10 dan 20 tahun di NIOSH.

Pada Majlis yang sama, turut diadakan Majlis perpisahan untuk Pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye. Pada malam itu Tan Sri Lee Lam Thye 73, menamatkan kontraknya sebagai Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Tan Sri Lee Lam Thye yang menjadikan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) sebagai 'rumah kedua' selama 27 tahun yakin NIOSH akan terus kukuh di masa hadapan. Sumbangan Tan Sri Lee Lam Thye selama ini kepada NIOSH sebagai pengerusi, banyak membantu mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) di seluruh negara.

Beliau telah menghabiskan 27 tahun bersama NIOSH iaitu selepas dilantik sebagai ahli lembaga pengarah pada 1992 apabila NIOSH ditubuhkan secara rasmi. Dua tahun kemudian, beliau dilantik sebagai pengerusi oleh Menteri Sumber Manusia. Dalam tempoh itu, Lam Thye sudah memberi jiwa dan raga kepada NIOSH. Beliau sudah melakukan jelajah ke seluruh negara termasuk pedalaman Sabah dan Sarawak demi untuk mempromosikan OSH dan membantu NIOSH dalam memasarkan program dan kegiatan yang dirancang. Beliau merasa bangga kerana dapat memberikan khidmat terbaik dan sudah melaksanakan tanggungjawab dengan sedaya upaya.

Lam Thye berkata walaupun Negara mempunyai banyak pusat latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, NIOSH menjadi pilihan dan tarikan kepada pekerja dan syarikat untuk menyertai program latihan yang dianjurkan. Selepas 27 tahun NIOSH wujud, NIOSH hari ini akan terus memainkan peranan dengan lebih gigih ke arah mempertingkatkan program latihan, perundingan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penyebaran maklumat. Tan Sri Lee Lam Thye turut menerima jolokan Bapa Pembangunan dan Kemajuan NIOSH dalam satu majlis perpisahan anjuran warga NIOSH. Majlis itu turut dihadiri Timbalan Pengerusi NIOSH, K Gunasegaran dan Pengarah Eksekutif NIOSH, Haji Ayop Salleh.

Pada majlis tersebut, Pengarah Eksekutif NIOSH iaitu Haji Ayop Salleh mengumumkan Dewan Cempaka di ibu pejabat NIOSH dinamakan sebagai Dewan Tan Sri Lee Lam Thye, manakala sebuah galeri khas akan dibina untuk mengenang jasa Tan Sri Lee Lam Thye kepada NIOSH selama ini. Lam Thye berharap warga NIOSH akan meneruskan kecemerlangan dan berpegang kepada nilai asas integriti, profesionalisme dan inovasi.

Dedikasi buat Mantan Pengerusi NIOSH....

Tan Sri Lee Lam Thye merupakan aktivis, ahli politik Malaysia berketurunan cina yang merupakan bekas Ahli ParlimenBukit Bintang, Kuala Lumpur dari parti DAP bermula dari tahun 1978 hinggalah ke tahun 1990.

Setelah beliau mengisytihar untuk bersara dari politik dengan tidak melibatkan diri dengan DAP, dua tahun berikutnya pada tahun 1992 beliau telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah NIOSH. Setelah itu beliau telah dilantik sebagai Pengerusi NIOSH sehingga 20 September 2019.

Dalam tempoh 27 tahun bersama NIOSH sudah pasti melalui jerit payah dan pahit manis membuka jalan OSH untuk dikembangkan diseluruh negara. Sehingga menjadikan NIOSH sebagai 'rumah kedua' beliau. Beliau membina OSH bersama dengan 'kelahiran' OSHA 1994. Beliau juga boleh dikatakan sebahagian arkitek OSH di Malaysia ini.

Antara kejayaan beliau membentuk minda OSH kepada komuniti seperti program OSH in School dan OSH in Tahfiz. Kedua-dua program ini memberi sentuhan yang sangat dekat kepada rakyat. Akhir kalam, dalam majlis persaraan, beliau telah memberi amanat dan pengharapan kepada warga NIOSH. Tiga pengharapan tersebut ialah perkemaskan integriti, tingkatkan profesionalisma dan sentiasa berinovatif dalam setiap perancangan dan tindakan. Ayuh tunaikan!

Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah 2019 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya

Pada 28 September 2019 NIOSH dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sekolah 2019 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya. Program ini diadakan di Auditorium Tan Sri Abdul Rafie, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

NIOSH dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah (Program OSH In School) yang bertujuan meningkatkan kefahaman dan penghayatan bahawa keselamatan adalah agenda utama dalam semua aspek pendidikan di sekolah. Program ini juga dapat membantu pihak sekolah mewujudkan budaya selamat dan sihat secara berterusan dengan sokongan pihak sekolah, keluarga dan komuniti setempat.

Majlis itu telah dirasmikan oleh YBhg En. Gunasegaran Kandaswamy, Timbalan Pengerusi NIOSH. Turut hadir pada pagi itu ialah YBhg. Dato' Mohd Jamil bin Mohamed, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM. Lebih 100 peserta menyertai seminar pada hari tersebut yang terdiri daripada warga pendidik di sekitar Kuala Lumpur.

Kursus 'Occupational Safety and Health Management for Cambodia, Lao PDR, Myanmar and Vietnam (CLMV)' DI BAWAH 'THIRD COUNTRY TRAINING PROGRAMME (TCTP)' 2019

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengendalikan satu kursus di peringkat antarabangsa iaitu 'Third Country Training Programme (TCTP) 2019 dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri Malaysia (KLN) dan Japan International Cooperation Agency (JICA). Ia diadakan pada 22 September 2019 hingga 12 Oktober 2019 bertempat di NIOSH Bandar Baru Bangi, Selangor dan NIOSH Pejabat Wilayah Selatan, Johor. Kursus ini bertajuk 'Occupational Safety and Health Management for Cambodia, Lao PDR, Myanmar and Vietnam (CLMV)'.

Pada 23 September 2019, peserta TCTP telah dibawa melawat ke beberapa bahagian di NIOSH di mana pada hari pertama kursus adalah proses orentasi dan sesi taklimat keselamatan dan sesi penerangan fungsi NIOSH. Mereka dibawa ke beberapa bahagian seperti Bilik Latihan, Gymnasium, Simulator Ruang Terkurung, Perpustakaan, Hostel NIOSH, Makmal CRD dan Klinik Kesihatan Pekerjaan. Sepanjang program itu berlangsung, pihak penganjur telah menggunakan beberapa kemudahan di NIOSH seperti bilik latihan dan kemudahan lain.

Tahniah Penyelidik-Penyelidik NIOSH...!!!

Tahniah diucapkan kepada penyelidik-penyelidik NIOSH di mana telah dapat menamatkan kajian hazard kesihatan bagi 10 sub-sektor di bawah RMK-11 (perabot, perkhidmatan kesihatan & sanitasi, pengurusan sisa pepejal, plastik, besi, pembinaan, perkhidmatan air, elektronik, perladangan dan perdagangan borong & runcit).

Penyelidik NIOSH juga telah dapat menghasilkan 16 intervensi yang kebanyakannya dalam kategori kejuruteraan kawalan. Sebanyak 10 garispanduan mengikut sub-sektor juga berjaya dihasilkan.

Disamping itu, mereka juga telah dapat menerbitkan 22 kertas pembentangan (enam daripadanya adalah artikel kajian untuk jurnal penyelidikan sedang dalam proses)

Terima kasih kepada JKKP dan KSM atas kepercayaan yang diberikan kepada NIOSH untuk menjalankan kajian tersebut.

Penyerahan sumbangan topeng muka N95 oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Tuan Haji Ayop Salleh kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun.

Pengedaran topeng muka N95 sumbangan NIOSH oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), YBhg Dato' Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad kepada kakitangan JPM, Putrajaya.

Sekitar Pengedaran Topeng Muka N95 Sumbangan NIOSH Malaysia

Pada 23 September 2019, NIOSH telah membuat pengagihan "Topeng Muka N95" sebagai langkah kawalan perlindungan diri kepada pekerja-pekerja ketika jerebu melanda. Topeng Muka N95 adalah sumbangan ikhlas dan keprihatinan NIOSH terhadap keselamatan dan kesihatan awam. Ia turut diedarkan di sekitar kawasan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan.

Sumbangan ini adalah sebahagian dari inisiatif NIOSH untuk membantu mereka yang berada beberapa lokasi di Malaysia yang dilanda bencana jerebu. Topeng muka jenis N95 turut disumbangkan kepada pejabat Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya, pejabat kerajaan negeri Selangor dan sekitar Bandar Baru Bangi.

Edaran topeng muka N95 sumbangan NIOSH oleh Unit Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk kakitangan dan pelawat di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam di Selangor.

FOCUS ON MENTAL HEALTH ISSUES AT CONFERENCE IN KL NEXT YEAR
Publication: **The Star**
Date of publication: **18 September 2019**
Page number: **68**

Focus on mental health issues at conference in KL next year

By SIMON KHOO
metro@thestar.com.my

MALAYSIA will be hosting the 35th Asia Pacific Occupational Safety and Health Organisation (APOSHO) 35th conference and annual general meeting next year.

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) chairman Tan Sri Lee Lam Thye said the country would highlight mental health issues at the conference to be held in Kuala Lumpur.

APOSHO 35 will be jointly organised by NIOSH, Malaysian Society for Occupational Safety and Health and Malaysia Occupational Safety and Health Practitioners Association.

Speaking at this year's APOSHO 34 in Guiyang, China, Lee said an Employee Assistance Programme (EAP) should be introduced at workplaces to provide both prevention and early intervention for employees affected by stress, as well emotional and mental health issues.

He said without EAP, employees with mental illness could not be identified and assisted, which could jeopardise their job performance.

Lee said mental health education and promotion must be increased at workplaces to address the rise of psychosocial problems in society.

"It is most essential in view of our aspiration to achieve developed nation status, which will exert tremendous pressure to deal with our daily responsibilities," he said in his keynote paper entitled "Managing Mental Health Issues at Workplace – NIOSH Malaysia's Approach".

Lee said all stakeholders must treat mental health like any other health concerns.

"It is worth our attention for every person to get the care they need, including at workplaces," he said.

He added that this was in line with Article 27 of the UN Convention on the Rights of Persons with Disabilities, which provides a legally binding global framework for promoting the rights of people with disabilities, including psychosocial disabilities.

"It recognises that every person with a disability has the right to work, be treated equally and not be discriminated. They should also be provided with support in the workplace."

Lee said no workplace was immune to mental health issues and their impact as psychological, social and economic terms was high.

As the country's leading institute for occupational safety and health, he said NIOSH had introduced several programmes to help employers and their staff manage mental health at the workplace, apart from organising various health promotional programmes.

He said the mental health module was one such initiative introduced in collaboration with the Health Ministry.

"It is part of NIOSH Malaysia's Total Wellness and Health Promotion Programme, where employers and their employees learn mental health issues and adopt the best strategies to manage the problem.

"They will also be exposed to healthy lifestyle and learn about obesity and other non-communicable diseases such as diabetes mellitus and hypertension, which could also contribute to mental health problems," explained.

According to the 2016 Malaysian Health System Research report, mental illness has been identified as a leading cause of economic loss at all levels because of its direct and indirect health costs.

It is bound to also cause absenteeism, loss of productivity at work and reduce in income and national economic output.

Lee (right) with APOSHO secretary-general Bernie Doyle (left) and International Social Security Association president Prof Joachim Breuer at the conference and annual general meeting in Guiyang, China.

LAM THYPE TERUSKAN MINAT DALAM KKP
Publication: **Berita Harian**
Date of publication: **20 September 2019**
Page number: **20**

Lam Thye teruskan minat dalam KKP

Kuala Lumpur: Tan Sri Lee Lam Thye yang kelmarin menamatkan kontraknya sebagai Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) sudah mewujudkan pertubuhan khusus untuk komuniti mengutamakan keselamatan dan akan mengumumkan mengenainya dalam masa terdekat.

Beliau berkata, langkah itu keranaa minat dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) walaupun sudah meninggalkan NIOSH yang ditrajuinya selama 27 tahun.

"Saya melihat (pertubuhan) amat baik kerana ia platform kebajikan, perkongsian maklumat dan komunikasi bagi komuniti seperti anggota beruniform, pengamal media, kakitangan sekolah, keluarga dan pelbagai peringkat masyarakat.

"Menerusi pertubuhan ini, saya berharap terus menyumbang pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam bidang KKP kepada masyarakat," katanya kepada *BH*, semalam.

Lam Thye turut menerima jolokan Bapa Pembangunan dan Kemajuan NIOSH dalam satu majlis perpisahan anjuran warga NIOSH, Khamis lalu.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Pengerusi NIOSH, K Gunasegaran dan Pengarah Eksekutif NIOSH, Ayop Salleh.

Ayop mengumumkan Dewan Cempaka di ibu pejabat NIOSH dinamakan Dewan Tan Sri Lee Lam Thye, manakala sebuah galeri khas akan dibina untuk menamang jasa Lam Thye.

Lam Thye, 73, mula menyertai NIOSH sebagai Ahli Lembaga Pengarah selepas ditubuhkan pada 1992 sebelum dilantik pengerusi pada 1994, dengan setiap aktiviti NIOSH di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia.

Mengulas lanjut majlis perpisahan itu, Lam Thye berkata, beliau malu warga NIOSH meneruskan kecemerlangan dan berpegang kepada nilai asas integriti, profesionalisme dan inovasi.

Lam Thye bersalaman dengan kakitangan NIOSH pada majlis perpisahan di Kajang, Khamis lalu.

RAMAI MAUT AKIBAT NAHAS JALAN RAYA KETIKA PERGI KERJA
Publication: **Kosmo**
Date of publication: **11 September 2019**
Page number: **15**

Ramai maut akibat nahas jalan raya ketika pergi kerja

MOHAMMED AZMAN (berdiri dua dari kiri) dan Aziaman (berdiri dua dari kanan) menunjukkan tanda bagus pada majlis kempen kesedaran jalan raya di Seberang Perai semalam.

SEBERANG PERAI – Seramai 888 orang pekerja dilaporkan maut pada tahun lalu seperti yang dicatatkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Daripada jumlah itu, seramai 666 orang daripadanya meninggal dunia dalam kemalangan ketika perjalanan pergi dan balik ke tempat kerja, manakala 222 maut akibat kemalangan di tempat kerja.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Mohamed Azman Aziz Mohammed berkata, dalam tempoh itu, terdapat sebanyak 72,681 lelaki kemalangan pekerja dengan 35,206 daripadanya adalah kemalangan dalam perjalanan.

"Di meringkat berbanding 2017 iaitu 69,980 kemalangan yang dilaporkan kepada Perkeso dengan 32,929 adalah kemalangan dalam perjalanan.

"Isuterus kemalangan perjalanan atau sewaktu berulang alik ke tempat kerja perlu diberi perhatian serius semua pihak terutamanya majikan," katanya ketika bercakap pada majlis persemian penutup program Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Inisiatif Perkeso dan Polis Diraja Malaysia di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman, Datuk Azisman Alias.

Menurut Mohamed Azizi, kajian pihaknya mendapati 52 peratus kemalangan berlaku ketika perjalanan pergi ke tempat kerja.

"Ia berlaku dalam lingkungan 5 kilometer sahaja dari destinasi, manakala 65 peratus melibatkan golongan belia bawah 40 tahun, 80 peratus golongan lelaki dan 70,9 peratus membabitkan penunggang motosikal," katanya.

Sepanjang tahun lalu, Perkeso telah membelanjakan kira-kira RM889 juta bagi bayaran pampasan kemalangan perjalanan dan RM106 juta dibelanjakan bagi tujuan itu pada tahun ini sehingga Mei.

SELAMATKAH WARTAWAN DI LAPANGAN?
Publication: **Berita Harian**
Date of publication: **4 September 2019**
Page number: **11**

Selamatkah wartawan di lapangan?

Abdul Razak Raaff
raaff@bh.com.my

Bekerja dalam persekitaran sebanar dan sibuk, beba daripada kemalangan adalah hak asasi setiap pekerja tanpa mengira jenis pekerjaan atau sektor. Pengamal media tidak terkecuali.

Adakah majikan di setiap organisasi media hari ini sudah bersedia dengan persiapan sepatutnya setiap kali melepaskan kakitangan masing-masing ke lokasi berisiko.

Bayangkan kejadian seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, demonstrasi jalanan, pencemaran gas atau toksik, adakah majikan mengadakan peralatan perlindungan dari atau PPE bersesuaian kepada wartawan, juruganbar serta jurufoto bertugas.

Bukan sekadar terdedah pengakit dan ancaman penyakitan, mereka yang dihantar ke tempat yang atau konflik juga mungkin turut berdepan risiko terendera atau terbunuh.

Kejadian wartawan sesak nafas dan terpaksa menerima rawatan di hospital keromsen ketika membuat liputan pencemaran sungai di Pasir Gudang pada Mac lalu, contoh paling dekat mengenai pentingnya pemahaman dan pengetahuan berkaitan kewilayatan dan kesihatan pekerjaan (OSH).

Kita tidak boleh berkompromi, apatah lagi menunggu sehingga ada insiden sebegitu berlaku baru sebelum dapat memerima pakai amalan kerja selamat.

Malah, pengamal media sendiri perlu memiliki ilmu dan pengetahuan berkaitan OSH supaya bukan sahaja faham, tetapi mampu mempamerkannya.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, sering mengetuk bahawa *safety is our right, safety is human right* (keselamatan adalah hak kita, keselamatan adalah hak asasi manusia).

Beliau kerap mentekankan bahawa pengamal media seperti juga dalam sektor pembinaan, perindustrian, gas dan minyak (O&G), perlu mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan agar kejadian wartawan, juruganbar dan jurufoto menjadi mangsa kerika bertugas di kawasan berisiko dapat dielakkan.

"Majikan kena sediakan kelengkapan PPE sebelum menghantar kakitangan ke kawasan berisiko supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan selesa dan pulang dengan selamat untuk bersama keluarga bersejang," katanya.

Apabila pengamal media memahami pentingnya aspek keselamatan, lebih mudah untuk memangkan ilmu dan pengetahuan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai supaya turut peka dan sensitif serta pantas mengambil tindakan pencegahan jika berdepan risiko di tempat kerja masing-masing.

Perlu diingat, pekerja adalah aset utama majikan dan mereka pada aset kepada keluarga dan komuniti masyarakat di kejiran masing-masing.

Bayangkan jika mereka diirangu kemalangan, sudah tentu akan mengejutkan produktiviti syarikat, selain keluarga juga hilang punca pencarian.

Peranan pengamal media sebagai ejen penyampai maklumat yang penting, dapat dikoseumkan dengan berkesan jika dapat memjalankan tugas dengan selamat dan selesa.

Pada masa sama, organisasi media hendaklah prihatin dan memberi perhatian serius meningkatkan pemahaman dan pengetahuan pekerja, dengan mengajaklah kan mereka menyertai kursus serta seminar berkaitan OSH secara berkala.

Mengikat mereka boleh beri insentif kepada kakitangan yang mengambil inisiatif sendiri menyertai mana-mana kursus berkait mengutamakan perhatianan sendiri sebagai mengharapi dan mengkikitsal usaha murni ini.

Majikan juga perlu mengambil langkah proaktif membantu pekerja masing-masing menjadikan amalan kesehatanan sebagai budaya kerja harian, sekali gus mengelak atau meminimumkan risiko yang mungkin mereka hadapi.

Pendidikan dan latihan berkaitan OSH penting dan pihak majikan hendaklah melihat ia sebagai pelaburan, bukan perbelanjaan dan bebanan. Dalam ekonomi global, ini itu sebenarnya penentu daya saing syarikat melalui peningkatan produktiviti.

Kod Antarabangsa Amalan Perkasum Selamat bagi bidang kewartawanan menyatakan bahawa profesional media perlu dimakluman mengenai politik, fiskal dan sosial di kawasan mereka bertugas. Mereka tidak perlu terbabit dalam keadaan tidak menentu dan tidak selamat akibat sikap tidak ambil pedoli dan tingkah laku melulu.

Ia juga mengatakan bahawa mereka hendaklah dilengkapi alat perlindungan cemas, alat komunikasi, kemudahan pengangkutan menuju/keluar serta pakaian perlindungan jika perlu ketika hendak melaksakan tugasan.

Bermungkinkah kata-kata Lam Thye ini.

"Tugas wartawan untuk melapor berita, bukan menjadi berita. Seorang wartawan yang meninggal dunia dalam keadaan berisiko dan tak sia-sia serta berkelamun dengan cara tidak profesional, akhirnya tidak akan dapat melaporkan berita atau menunjukkan gambar yang perlu dibuat".

Penulis adalah Pengurusi Eksekutif Berita Harian

Majikan perlu menyediakan peralatan perlindungan bersesuaian kepada wartawan dan juruganbar bertugas. (Fotos: Hakimi)

TINGKAT BILANGAN PAKAR OSH
Publication: **Utusan Malaysia**
Date of publication: **3 September 2019**
Page number: **16**

SAFETY AWARENESS AT HIGH LEVEL
Publication: **NST**
Date of publication: **18 September 2019**
Page number: **9**

'Safety awareness at high level'

Tan Sri Lee Lam Thye's contract as the National Institute for Occupational Safety and Health chairman ends on Friday. PIC BY EDMUND SAMUNTING

OUTGOING NIOSH CHAIRMAN

KOTA KINABALU: Tan Sri Lee Lam Thye is optimistic that the National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH) will remain relevant in the future even after his contract as chairman ends on Friday.

Lee, who has been with the institute for 27 years, said NIOSH has been helping in promoting occupational safety and health (OSH) nationwide.

"I was appointed as a NIOSH board of director in 1992 when the institute was established and two years later, appointed as chairman by the human resources minister.

"During the period, I have given my 'body and soul' to NIOSH. I could say that the institute is my second home throughout the 27 years," Lee said at the NIOSH office here yesterday.

He added that he had travelled the country to promote occupational safety and health practices.

"From public feedback, my efforts have been fruitful as I can see many industrial companies in the country have awareness on safety.

"When I leave NIOSH, I can say the institute will continue moving forward by taking initiatives to improve their efforts through quality training."

LEE CONFIDENT NIOSH WILL CONTINUE TO EXCEL AS AN ORGANISATION
Publication: **The Star**
Date of publication: **22 September 2019**
Page number: **12**

Lee confident Niosh will continue to excel as an organisation

KAJANG: Tan Sri Lee Lam Thye is confident that the National Institute of Occupational Safety and Health (Niosh) will remain an excellent organisation if its management team and staff continue to uphold their integrity, professionalism and innovation.

In his last speech as Niosh chairman, Lee said more parties, especially those from the industries, were now viewing Niosh as their preferred partner to get training and other services related to occupational safety and health (OSH).

"It's not an easy task, but we were able to achieve this because all Niosh staff have worked very hard to give the best services," he said at a farewell dinner organised by Niosh on Friday.

Present were Niosh deputy chairman K. Gunasegaran, executive director Ayop Salleh and executive secretary Maj (Rtd) Hanif Maidin.

Lee, 73, joined Niosh as its director after it was established in 1992. He was appointed chairman of the organisation under the Human Resources Ministry in 1994.

"I was invited to join Niosh after I retired from politics in 1990 and became a full-time social activist.

"The then Human Resources Minister (Tan Sri Lim Ah Lek) said I had helped to fight for the rights of workers when I was a Member of Parliament and therefore was able to assist Niosh," he said.

According to Lee, early efforts to develop Niosh were not easy as few people understood the importance of OSH at workplaces.

Starting its operation in a small office in Damansara, he said Niosh now had its own headquarters at Bandar Baru Bangi with five regional offices and nine branches all over the country.

Ayop said Lee's contributions were immeasurable and that Dewan Cempaka at the Niosh headquarters would be renamed Dewan Tan Sri Lee Lam Thye.

NIOSH TERUS KUKUH PADA MASA DEPAN: LAM THYE
Publication: **Berita Harian**
Date of publication: **18 September 2019**
Page number: **23**

NIOSH terus kukuh pada masa depan: Lam Thye

Kota Kinabalu: Menjadikan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) sebagai 'rumah kedua' selama 27 tahun menyebabkan Tan Sri Lee Lam Thye yakin NIOSH terus kukuh di masa depan walaupun selepas beliau menamatkan kontrak sebagai pengerusi pada Jumaat ini.

Lam Thye berkata, sumbangannya selama ini kepada NIOSH termasuk selepas dilantik pengerusi institut itu banyak membantu mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) di seluruh negara.

"Saya habiskan 27 tahun bersama NIOSH iaitu selepas dilantik ahli lembaga pengarah pada 1992 apabila NIOSH ditubuhkan secara rasmi dan dua tahun kemudian saya dilantik sebagai pengerusi oleh Menteri Sumber Manusia.

"Dalam tempoh itu, saya sudah berikan jiwa dan raga kepada NIOSH, yang mana saya sentiasa memakai topi NIOSH dan saya boleh nyatakan NIOSH seperti rumah kedua saya selama 27 tahun ini," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, dia sudah menjelajah ke seluruh negara termasuk pedalaman Sabah dan Sarawak mempromosikan OSH bagi membantu NIOSH memasarkan program dan kegiatan dirancang.

"Dalam tempoh ini, saya rasa bangga kerana dapat memberikan khidmat terbaik dan saya sudah melaksanakan tanggungjawab dengan sedaya upaya.

Lee Lam Thye

"Berdasarkan maklum balas masyarakat, usaha saya ini berbaloi kerana sekarang saya nampak banyak syarikat industri di negara ini sudah ada ada kesedaran mengenai OSH.

"Jadi, apabila saya meninggalkan NIOSH, saya boleh nyatakan NIOSH kini dalam keadaan kukuh dan berharap ia akan terus maju dengan mengambil inisiatif mempertingkatkan usaha dalam semua bidang terutama aspek kualiti latihan," katanya.

Lam Thye berkata, Malaysia mempunyai banyak institut dan pusat latihan atau syarikat latihan keselamatan yang jika diberi tumpuan, akan menjadi tarikan kepada pekerja atau syarikat tampil mengertai program latihan diandjurkan NIOSH.

"Jadi, saya tegaskan selepas 27 tahun NIOSH wujud, NIOSH kini terus berperanan lebih gigih ke arah mempertingkatkan program latihan perundingan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penyebaran maklumat," katanya.

Tingkat bilangan pakar OSH

SAUDARA PENGARANG,

BARU-BARU ini kita dikejutkan dengan kejadian kebakaran melibatkan sebuah blik pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Saya bersetuju dengan pandangan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik bahawa bajet universiti lama perlu ditambah bagi memastikan kejadian sedemikian tidak berulang.

Memandangkan keselamatan dan kesihatan pekerja (OSH) sepatutnya menjadi agenda utama negara, generasi muda digalakkan meneruskan pembelajaran dalam bidang itu yang mana universiti awam seperti Universiti Malaysia Pahang (UMP) menawarkan Ijazah Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Memang ramai pakar OSH diperlukan untuk memastikan segala aspek keselamatan dan pembinaan adalah selamat. Ini dapat memastikan industri pembinaan boleh mengurangkan kos pampasan tinggi yang perlu dibayar kepada mangsa.

Sebelum ini, banyak kes bangunan tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan setelah pembinaan diarah dihentikan kerana mengabaikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja. Ini menyebabkan pembeli teraniaya kerana tidak dapat menduduki premis yang telah dibeli.

IDA RIZYANI TAHIR
Pensyarah UMP

Disclaimer

© Copyright 2019. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved.No part of this publication can be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.

eISSN 2672-7412

INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-8769 2100 Fax: 03-8926 5655 **www.niosh.com.my**